



## 1020 PENTERJEMAHAN ARAB MELAYU BAGI KATA KERJA BERIMBUHAN *TAFAC*ALA DALAM SURAH AL-BAQARAH

DR. MUHAMMAD FIRDAUS HAJI ABDUL MANAF  
firdaus@kuis.edu.my

DR. HAJI MD. NOOR HUSSIN  
mdnoor@kuis.edu.my

MOHAMMAD IMRAN HAJI AHMAD  
imranahmad@kuis.edu.my

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ABSTRAK

*Ramai dalam kalangan penterjemah menghadapi kesukaran untuk mencari padanan terjemahan kata kerja berimbuhan Arab yang paling tepat ke dalam bahasa Melayu. Makalah ini memberikan tumpuan kepada penterjemahan kata kerja berimbuhan tafa<sup>c</sup>ala dalam surah al-Baqarah. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana penterjemahan Arab Melayu ini dilakukan dengan baik terhadap kata akar yang dimasuki oleh kata imbuhan awalan ta pada hadapan kata dan imbuhan sisipan alif selepas huruf pertama kata akarnya. Hanya lima sampel ditemui dalam surah al-Baqarah yang kemudiannya dikaji berdasarkan analisis kontrasif dan teori konteks. Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa kesemua fungsi kata imbuhan tersebut membawa maksud al-musharakah. Kesimpulannya, penterjemahan dilihat berjaya kerana dilakukan dengan baik dan difahami, walau pun terdapat sedikit pengubahsuaian yang dilakukan bermatlamat menjadikan terjemahan lebih berbentuk natural sesuai dengan konteks ayat.*

**Kata Kunci:** *Terjemahan, berimbuhan, awalan, sisipan, kontrasif, konteks, natural*

### 1.0 PENGENALAN

Kajian makna atau lebih dikenali dengan kajian semantik merupakan satu istilah yang wujud pada akhir abad kesembilan belas. Ia berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*semantikos*' yang bermaksud 'signifikan'. Perkataan ini dalam istilah moden digunakan untuk merujuk kepada bidang yang mengkaji hubungan antara perkataan dengan makna (Zubaidah Ibrahim-Bell 2006: 51). Newmark (1981: 79) menyebut bahawa teori penterjemahan yang diperolehi daripada bidang linguistik komparatif ini amat menitikberatkan kaitan sesuatu perkataan dengan makna yang ingin disampaikan. Justeru, proses ini melibatkan kesepadanan makna teks bahasa sumber dengan teks bahasa sasaran dalam mendukung fungsi yang sama dengan unsur yang terdapat antara kedua-dua bahasa tersebut. Salah satu proses yang dilakukan dalam bidang ini ialah mencari padanan makna berdasarkan fungsi morfologi pada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Puteri Rosalina Abdul Wahid 2012: 98). Menurut Muhammad Bukhari Lubis, Mohd.



Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamad (1998: 7), padanan makna ini amat berkait rapat dengan kata kerja berimbuhan kerana kata kerja ini terbentuk daripada gabungan kata dasar dengan imbuhan. Ahmad al-Hamlawi (2003: 27-33) pula menyebut bahawa setiap imbuhan tersebut memasuki sesuatu kata akar dengan membawa fungsi dan makna yang tertentu. Mohd Haris Sulaiman (2011: 17) juga menjelaskan bahawa setiap imbuhan apabila diteliti dengan mendalam satu persatu, ia akan mengetengahkan makna serta maksud tersendiri dan seterusnya mendominasi makna huruf imbuhan tersebut. Oleh itu, mengetahui makna bagi imbuhan dalam sesuatu kata kerja dengan baik amat penting, supaya makna dan maksud yang diterjemahkan itu difahami.

Ahmad Qaddur (1996: 43) menyebut bahawa pengembangan kata melalui proses pengimbuhan huruf kepada kata akar atau disebut dalam ilmu linguistik moden sebagai penambahan morfem terikat kepada beberapa *wazn* tertentu sebelum ini menghasilkan struktur atau bentuk kata terbitan yang baharu, bahkan °Abduh al-Rajihi (2008: 32) menyebut bahawa proses ini turut menghasilkan makna baharu berdasarkan konteks yang tertentu. °Ali °Abd al-Wahid (1997: 20) menjelaskan bahawa peluasan makna baharu ini ditemui melalui kata imbuhan yang memasuki sesuatu kata akar sebagai kata kerjanya. Menurut Mohd Rosdi Ismail (2003: 181), kata imbuhan tersebut membawa banyak makna tersirat dalam membentuk sesuatu kata kerja berimbuhan atau disebut dalam bahasa Arab sebagai *af'al mazidah* melalui *wazn* yang tertentu. Sebagai contoh imbuhan awalan *hamzah* (هـ) yang memasuki kata kerja *madi qa'ada* sehingga membentuk perkataan baharu iaitu *aq'ada*. Kata kerja *madi qa'ada* ialah kata akar yang bermaksud 'duduk'. Namun penambahan *hamzah* pada hadapan kata *aq'ada* membawa banyak fungsi dan salah satu daripadanya ialah *al-ta'diyyah* iaitu menukarkan kata kerja tak transitif atau *fi'l lazim* kepada kata kerja transitif atau *fi'l muta'addi* dengan penambahan imbuhan apitan 'men ... kan' pada sesuatu terjemahan kata akarnya. Jika *qa'ada* bermaksud 'duduk', justeru *aq'ada* pula membawa maksud 'mendudukkan' seperti ayat '*aq'adtu al-marida °ala madja'ih*' yang bermaksud, 'Saya mendudukkan pesakit itu di atas tempat pembaringannya'.

## 2.0 PERTERJEMAHAN KATA KERJA BERIMBUHAN *TAFAL*

Analisis ini dijalankan dengan menggunakan '*Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*' (THQK) (2013) sebagai rujukan utama terjemahan al-Quran dan '*Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*' (KBAMD) (2006) sebagai kamus rujukan utama dalam menilai setiap penterjemahan kata Arab-Melayu. Konteks padanan terjemahan kata dikaji mengikut ketepatan fungsi makna imbuhan yang terdapat pada sampel kata kerja berimbuhan. Sekiranya teks terjemahan berjaya mewujudkan kesejadian makna dengan teks sumber, sokongan sepenuhnya akan diberikan. Namun jika sebaliknya, terjemahan tersebut akan dikritik menggunakan pelan kritikan yang dikemukakan oleh Reiss dan Newmark dan akhirnya satu cadangan terjemahan baharu akan dikemukakan. Kajian ini dilakukan terhadap lima sampel daripada *wazn* kata kerja berimbuhan *madi tafal* yang ditemui dalam surah al-Baqarah. Kata kerja berimbuhan *tafal* ini terdiri daripada kata imbuhan awalan *ta'* yang diletakkan pada hadapan kata akar *fa'ala* (فعل) dan imbuhan sisipan *alif* selepas huruf pertama kata akar tersebut, sehinggalah membentuk kata kerja berimbuhan *madi* yang baharu iaitu *tafal* (تفاعل). Berikut merupakan analisis sampel data berdasarkan pecahan kata kerja tersebut.



i. Sampel 1

﴿ ثُمَّ أَنْتُمْ هَتُّؤُلَاءِ تَقْتُلُونَ أَنْفُسَكُمْ وَتُخْرِجُونَ فَرِيقًا مِّنْ دِينِهِمْ تَطْهَرُونَ عَلَيْهِمْ بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَإِنْ يَأْتُوكُمْ أُسْرَىٰ تَفْتَدُوهُمْ وَهُوَ مُحْرَمٌ عَلَيْكُمْ إِخْرَاجُهُمْ أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۗ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴾  
(Surah al-Baqarah 2: 85)

Teks terjemahan:

Kemudian kamu (Bani Israel) membunuh dirimu (saudaramu sebangsa) dan mengusir segolongan dari kamu dari kampung halamannya, kamu bantu-membantu terhadap mereka dengan perbuatan dosa dan permusushan, tetapi jika mereka datang kepadamu sebagai tawanan, kamu tebus mereka, padahal mengusir mereka itu (juga) dilarang bagimu. Apakah kamu beriman kepada sebahagian al-Kitab (Taurat) dan ingkar terhadap sebahagian yang lain? Tiada balasan bagi orang yang berbuat demikian darimu, melainkan kehinaan dalam kehidupan dunia dan pada hari kiamat, mereka dikembalikan kepada seksa yang sangat berat. Allah tidak lalai dari apa yang kamu telah lakukan (THQK 2013: 13).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *mudari<sup>c</sup> tazaharun* (تظَاهَرُونَ). Perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi zahara* (ظَهَرَ) yang bermaksud ‘jelas’, ‘ketara’, ‘muncul’, ‘menjelma’, ‘melihat’, ‘menguasai’, ‘berbangga’, ‘membantu’ atau ‘menaikkan’ (KBAMD 2006: 1495). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *ta* (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *tazahara* (تظَاهَرَ) mengikut *wazn tafaa<sup>c</sup>ala* (تَفَاعَلَ) yang membawa maksud ‘tolong-menolong’, ‘menunjukkan sokongan’ atau ‘bantu-membantu’ (KBAMD 2006: 1495). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi kata kerja *mudari<sup>c</sup> tazaharun* (تظَاهَرُونَ) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *tazaharun* (تظَاهَرُونَ) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 1: 212-217) menyebut bahawa perkataan *tazaharun* (تظَاهَرُونَ) tersebut merujuk kepada maksud ‘bantu-membantu’ dan bukannya ‘menunjukkan sokongan’. Ayat tersebut sebenarnya menjelaskan sikap Bani Israel yang melanggar perjanjian dengan para rasul mereka dengan berbunuh-bunuhan sesama mereka dan usir-mengusir antara satu sama lain. Mereka ‘bantu-membantu’ melakukan kezaliman dan kemaksiatan sedangkan mereka mengetahui perbuatan tersebut amat ditegah oleh Allah S.W.T. Ayat ini diturunkan kerana peperangan yang berlaku antara Bani Qurayzah dengan Bani Nadir. Peperangan ini mendapat sokongan dan bantuan daripada puak-puak Yahudi yang berpecah dua.



Masing-masing menyokong kumpulan yang berbeza-beza. Justeru, peperangan ini sebenarnya menyaksikan pertempuran sesama Yahudi itu sendiri. Mereka berbunuh-bunuhan sesama saudara seagama mereka dan menghalau serta merampas harta saudara musuh mereka yang kalah walaupun daripada satu agama yang sama. Perbuatan ini satu jenayah dan kesalahan besar serta larangan yang terdapat dalam kitab Taurat mereka (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 73-74).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *ta'* (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama *tazaharun* (تَظَاهَرُونَ) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau menunjukkan bahawa sesuatu perbuatan bantu-membantu itu dilakukan secara bersama-sama. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan 'bantu-membantu' dengan 'penggandaan menyaling kata kerja' sebagaimana yang dikehendaki oleh fungsi bagi imbuhan bahasa sumber dan konteks ayatnya yang asal (Abdullah Hassan 2006: 257-258).

## ii. Sampel 2

﴿ وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللَّهُ أَوْ تَأْتِينَا آيَةٌ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِثْلَ قَوْلِهِمْ تَشَابَهَتْ قُلُوبُهُمْ  
قَدْ بَيَّنَّا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴾

(Surah al-Baqarah 2: 118)

Teks terjemahan:

Dan orang yang tidak mengetahui berkata: 'Mengapa Allah tidak (langsung) berbicara dengan kami atau datang tanda-tanda kekuasaanNya kepada kami?' Demikianlah pula orang yang sebelum mereka telah mengatakan seperti ucapan mereka itu, hati mereka serupa. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan tanda-tanda kekuasaan Kami kepada kaum yang yakin (THQK 2013: 18).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi tashabhat* (تَشَابَهَتْ). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi shabaha* (شَبِهَ) yang membawa maksud 'serupa', 'sama' atau 'mirip' (KBAMD 2006: 1229). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *ta'* (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *tashabaha* (تَشَابَهَ) mengikut *wazn tafa'ala* (تَفَاعَلَ) yang membawa maksud 'serupa' (KBAMD 2006: 1229). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi perkataan *tashabhat* (تَشَابَهَتْ) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *tashabhat* (تَشَابَهَتْ) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 1: 285-293) menyebut bahawa



perkataan *tashabihat* (تَشَابِهَات) tersebut merujuk kepada maksud ‘serupa’. Ayat tersebut sebenarnya menjelaskan persamaan sifat orang-orang musyrikin pada zaman Nabi Muhammad S.A.W dengan orang-orang musyrikin terdahulu yang mempertikaikan kebenaran wahyu yang dibawa oleh rasul-rasul mereka. Bagi mereka, sepatutnya wahyu itu turun kepada mereka dan bukannya melalui perantaraan para rasul yang diutuskan. Kisah ini menggambarkan keegoan hati mereka ‘serupa’ dalam mempertikaikan setiap kebenaran yang dibawa kepada mereka (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 91).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *ta*’ (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama *tashabihat* (تَشَابِهَات) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau perkongsian jiwa atau naluri yang sama antara satu sama lain. Terjemahan mengekalkan maksud asal bagi perkataan *tashabaha* (تَشَابَه) iaitu ‘serupa’ dan fungsi imbuhan di atas masih boleh difahami kerana ayat ‘hati mereka serupa’ menunjukkan *al-musharakah* atau perkongsian jiwa atau naluri yang sama tersebut (Abdullah Hassan 2006: 121).

### iii. Sampel 3

﴿ فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ ۗ فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاجَعَا إِنْ ظَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ ۗ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴾

(Surah al-Baqarah 2: 230)

Teks terjemahan:

Kemudian jika suami mentalaknya (sesudah talak yang kedua), maka perempuan itu tidak halal baginya hingga dia berkahwin dengan suami yang lain. Kemudian jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk berkahwin kembali jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Itulah hukum-hukum Allah, diterangkanNya kepada kaum yang (mahu) mengetahui (THQK 2013: 36).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *mudari<sup>c</sup> yataraja<sup>a</sup>* (يَتَرَاجَعَا). Perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi raja<sup>a</sup>* (رَجَعَ) yang bermaksud ‘terbang’, ‘memberi faedah’, ‘jilat’, ‘kembali’ atau ‘membangkitkan’ (KBAMD 2006: 862). Kemudian ia dimasuki oleh kata imbuhan awalan *ta*’ (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *taraja<sup>a</sup>* (تَرَاجَعَ) mengikut *wazn tafa<sup>a</sup>ala* (تَفَاعَلَ). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi kata kerja *mudari<sup>c</sup> yataraja<sup>a</sup>* (يَتَرَاجَعَا) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.



Perkataan *yataraja<sup>a</sup>* (يَتَرَاجَعًا) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 2: 330-347) menyebut bahawa perkataan *yataraja<sup>a</sup>* (يَتَرَاجَعًا) tersebut merujuk kepada *ism al-raj<sup>a</sup>ah* (الرَّجْعَةُ) yang bermaksud ‘ujuk semula isteri’ (KBAMD 2006: 863). Ayat tersebut menjelaskan bahawa apabila seseorang perempuan mendapat talak ketiga daripada bekas suaminya, dia tidak halal lagi untuk bekas suaminya tersebut. Namun jika kedua-dua ingin ujuk atau menjadi suami isteri semula, wanita tersebut mesti telah berkahwin dengan lelaki lain dan akhirnya diceraikan pula oleh suaminya yang baharu. Setelah itu, dia boleh menjadi isteri kepada bekas suaminya yang pertama dengan syarat mesti ‘berkahwin semula’ atau melalui proses perkahwinan sebagaimana yang dilalui pada pernikahan yang mula-mula dahulu seperti akad nikah dan sebagainya (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 160-161).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *ta*’ (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama *yataraja<sup>a</sup>* (يَتَرَاجَعًا) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau ia lebih difahami dengan ‘perkongsian’ hidup semula antara pasangan suami isteri yang sudah bercerai. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan ‘berkahwin kembali’ untuk menjelaskan konteks ujuk semula bekas isterinya bukan seumpama ujuk untuk talak pertama atau kedua, tetapi ujuk ini adalah bagi talak ketiga yang mesti melalui proses seumpama di awal perkahwinan dahulu semula (Abdullah Hassan 2006: 121).

#### iv. Sampel 4

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَانَنَّهُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۚ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيَمْلِكْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ ۚ وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۚ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ۚ وَلَا يَأْب الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ۚ وَلَا تَسْعَمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمٌ لِلشَّهَدَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا ۚ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا ۚ وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ ۚ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ ۚ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۝﴾

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Teks terjemahan:





Wahai orang yang beriman! Apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah, Tuhannya, dan janganlah dia mengurangkan sedikit pun dari hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalnya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu merencanakan, maka hendaklah walinya merencanakan dengan jujur dan disaksikan dengan dua orang saksi daripada orang lelaki (di antaramu). Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil mahu pun besar, sampai masa tempoh pembayarannya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan penyaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah mu'amalah itu) kecuali jika mu'amalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu (jika) kamu tidak menuliskannya. Dan saksikanlah apabila kamu berjual-beli dan janganlah penulis dan saksi saling menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertaqwalah kepada Allah, Allah mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (THQK 2013: 48).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi tadayana* (تَدَايَنَ) pada ayat *tadayantum* (تَدَايَنْتُمْ). Perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi dana* (دَانَ) yang bermaksud 'patuh', 'taat', 'berhutang', 'memimpin', 'membalas', 'memberikan perkhidmatan', 'melakukan' atau 'meminjam' (KBAMD 2006: 802). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *ta'* (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *tadayana* (تَدَايَنَ) mengikut *wazn tafa'ala* (تَفَاعَلَ) yang membawa maksud 'pinjam-meminjam' (KBAMD 2006: 803). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi kata kerja *madi tadayantum* (تَدَايَنْتُمْ) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *tadayantum* (تَدَايَنْتُمْ) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 3: 102-126) menyebut bahawa perkataan *yataraja'a* (يَتَرَجَّعًا) tersebut merujuk kepada *ism al-dayn* (الدَّيْن) yang bermaksud 'hutang' (KBAMD 2006: 803). Ayat ini sebenarnya mengandungi arahan yang tegas daripada Allah S.W.T kepada orang yang beriman supaya tidak mengamalkan sikap bekerja sambil lewa serta memandang ringan terhadap urusan yang berkaitan dengan pinjam-meminjam wang dan amalan 'berhutang'. Sebagaimana yang diterangkan, urusan 'berhutang' hendaklah dicatat dengan jelas dan ditulis oleh orang yang benar-benar berkeahlian dalam surat-menyurat perjanjian yang disaksikan oleh dua orang saksi lelaki yang adil serta waras fikirannya atau seorang lelaki dengan dua orang wanita yang adil serta waras fikirannya (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 201-203).



Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *ta'* (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama *tadayantum* (تَدَايَنْتُمْ) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau perkongsian. Ini bermakna perbuatan 'berhutang' itu dirasai oleh kedua-dua belah pihak sama ada yang berhutang atau yang memberi hutang. Terjemahan memilih perkataan 'bermuamalah', sedangkan padanan yang paling tepat sesuai dengan konteks ayat dan mudah difahami ialah 'berhutang' dengan imbuhan awalan '*ber ...*' bagi fungsi menjelaskan imbuhan sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini (Abdullah Hassan 2006: 136-144).

Cadangan terjemahan:

Wahai orang yang beriman! Apabila kamu berhutang tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah, Tuhannya, dan janganlah dia mengurangkan sedikit pun dari hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalnya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu merencanakan, maka hendaklah walinya merencanakan dengan jujur dan disaksikan dengan dua orang saksi daripada orang lelaki (di antaramu). Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil mahu pun besar, sampai masa tempoh pembayarannya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan penyaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah mu'amalah itu) kecuali jika mu'amalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu (jika) kamu tidak menuliskannya. Dan saksikanlah apabila kamu berjual-beli dan janganlah penulis dan saksi saling menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertaqwalah kepada Allah, Allah mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

v. Sampel 5

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۗ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۚ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيَمْلِكْ وَلِيَّهُ بِالْعَدْلِ ۚ وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِدَيْنِ مِنْ رِّجَالِكُمْ ۖ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ۚ وَلَا يَأْب الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ۚ وَلَا تَسْمَعُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ





وَأَقِمْ لِلشَّهَدَةِ وَأَدِّبْ أَلَّا تَرْتَابُوا إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا  
وَأَشْهَدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ وَأَتَّقُوا اللَّهَ وَيَعْلَمُكُمْ اللَّهُ وَاللَّهُ  
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Teks terjemahan:

Wahai orang yang beriman! Apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah, Tuhannya, dan janganlah dia mengurangkan sedikit pun dari hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalnya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu merencanakan, maka hendaklah walinya merencanakan dengan jujur dan disaksikan dengan dua orang saksi daripada orang lelaki (di antaramu). Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil mahu pun besar, sampai masa tempoh pembayarannya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan penyaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah mu'amalah itu) kecuali jika mu'amalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu (jika) kamu tidak menuliskannya. Dan saksikanlah apabila kamu berjual-beli dan janganlah penulis dan saksi saling menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertaqwalah kepada Allah, Allah mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (THQK 2013: 48).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi tabaya<sup>c</sup>a* (تَبَايَع) pada ayat *tabaya<sup>c</sup>tum* (تَبَايَعْتُمْ). Perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi ba<sup>c</sup>a* (بَاع) yang bermaksud 'jual' atau 'beli' (KBAMD 2006: 195). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *ta*' (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *tabaya<sup>c</sup>a* (تَبَايَع) mengikut *wazn tafa<sup>c</sup>ala* (تَفَاعَل) yang membawa maksud 'membuat perjanjian jual-beli' (KBAMD 2006: 195). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi kata kerja *madi tabaya<sup>c</sup>tum* (تَبَايَعْتُمْ) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *tabaya<sup>c</sup>tum* (تَبَايَعْتُمْ) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 3: 102-126) menyebut bahawa



perkataan *tabaya<sup>c</sup>tum* (تَبَايَعْتُمْ) tersebut merujuk kepada *ism al-bay<sup>c</sup>* (الْبَيْع) yang bermaksud ‘jual-beli’ (KBAMD 2006: 195). Ayat tersebut sebenarnya sambungan ulasan bagi sampel keempat yang lalu. Ayat tersebut sebenarnya menitikberatkan urusan perjanjian tersebut dimeterai dan dilakukan dengan adanya saksi dalam hampir semua urusan ‘jual-beli’ bukan tunai. Bagaimanapun, perkara ini terkecuali dalam urusan jual beli tunai yang tidak diwajibkan penulisan dan penyaksian tetapi digalakkan supaya urusan tunai itu ditulis dan diadakan saksi (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 201-203).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *ta’* (ت) pada hadapan kata dan *alif* (ا) selepas huruf pertama *tabaya<sup>c</sup>tum* (تَبَايَعْتُمْ) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau perkongsian yang menunjukkan bahawa proses jual-beli antara satu sama lain sebagaimana yang dimaksudkan dalam ayat tersebut benar-benar berlaku. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan ‘berjual-beli’ dengan imbuhan awalan ‘ber ...’ pada hadapan ‘penggandaan suku kata kata kerja’ untuk tujuan bagi fungsi imbuhan yang dinyatakan sebelum ini kerana ia tergolong dalam ‘kata bangun refleksi’ yang menunjukkan perbuatan yang berbalasan antara satu sama lain (Abdullah Hassan 2006: 136-144).

### 3.0 DAPATAN

Imbuhan sisipan *alif* selepas huruf pertama yang terdapat pada *wazn tafā<sup>c</sup>ala* ini mempunyai empat fungsi. Antaranya ialah *al-musharakah*, *al-mutawa<sup>c</sup>ah*, *al-takalluf* dan *al-tadrij* (Mohd Rosdi Ismail 2003: 181). Terdapat lima sampel yang berasal daripada *wazn tafā<sup>c</sup>ala* ini dan kesemua imbuhan pada sampel tersebut didapati berfungsi sebagai *al-musharakah* sahaja. Ini bermakna kelima-lima sampel tersebut mewakili 100% mempunyai imbuhan yang berfungsi sebagai *al-musharakah*. Ia mewakili 25% daripada keseluruhan fungsi imbuhan tersebut yang terlibat dalam sampel berbanding dengan tiga fungsi bakinya yang tidak terlibat dengan analisis kajian sebelum ini termasuklah *al-mutawa<sup>c</sup>ah*, *al-takalluf* dan *al-tadrij* yang mewakili 75% daripada keseluruhan fungsi imbuhan tersebut. Carta di bawah menunjukkan bilangan dan peratusan fungsi imbuhan yang terlibat atau tidak tersebut dalam sampel sebelum ini secara ringkas.





*Al-musharakah* ialah satu perbuatan yang dilakukan oleh dua pihak atau lebih secara bersama-sama dengan makna ‘saling’ dan kesemua pelaku menerima kesan yang sama hasil daripada perbuatan tersebut. Jadual di bawah merupakan senarai lima sampel yang didapati mempunyai imbuan dengan fungsi *al-musharakah* seperti berikut.

Bil.	Terjemahan	Ayat	No. Ayat	No. Sampel
1.	... dan mengusir segolongan daripada kamu dari kampung halamannya, kamu <u>bantu-membantu</u> terhadap mereka dengan perbuatan dosa dan permusuhan ...	﴿... وَتُخْرِجُونَ فَرِيقًا مِّنْكُمْ مِّن دِيَارِهِمْ تَظَاهِرُونَ عَلَيْهِم بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...﴾	85	1
2.	... Demikianlah pula orang yang sebelum mereka telah mengatakan seperti ucapan mereka itu, hati mereka <u>serupa</u> ...	﴿... كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِم مِّثْلَ قَوْلِهِمْ تَشَبَهتْ قُلُوبُهُمْ ...﴾	118	2
3.	... Kemudian jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk <u>berkahwin kembali</u> jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah ...	﴿... فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَن يَتَرَاحَعَا إِن ظَنَّا أَن يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ ...﴾	230	3
4.	... Wahai orang yang beriman! Apabila kamu <u>bermuamalah</u> tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya ...	﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَعْتُمْ بَدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ...﴾	282	4
5.	... Dan saksikanlah apabila kamu <u>berjual-beli</u> ...	﴿... وَأَشْهَدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ ...﴾	282	5

#### 4.0 KESIMPULAN

Terjemahan ialah satu proses seni dalam memindahkan maklumat daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mencari padanan yang paling sejadi antara keduanya supaya hasilnya tepat dan boleh difahami. Berdasarkan analisis kajian, terjemahan kata kerja berimbuan pada sampel pertama, kedua, ketiga dan kelima adalah tepat. Manakala sampel



keempat dicadangkan penambahbaikan terjemahannya. Kesemua fungsi kata imbuhan dalam sampel membawa maksud *al-musharakah*.

## RUJUKAN

*Al-Quran al-Karim*.

Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publication & Distributors Sdn. Bhd.

*Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Mohd Haris Sulaiman. 2011. *Penguasaan Kemahiran Penterjemahan Perkataan Arab Berimbuhan di Kalangan Pelajar IPTA*. Disertasi Sar: Universiti Malaya.

Mohd Rosdi Ismail. 2003. *Bahasa Arab Mikro; Binaan Kata & Fungsi Makna*. Kota Bharu: Arabic Language & Consultancy.

Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamad. 1998. *Penerjemahan Arab Melayu Arab; Peraturan & Dasar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Newmark, Peter. 1981. *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press.

Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Qaddur, Ahmad Muhammad. 1996. *Mabadi' al-Lisaniyyat*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu<sup>c</sup>asir.

al-Rajihi, <sup>c</sup>Abduh Sharaf al-Din <sup>c</sup>Ali. 2008. *Al-Tatbiq al-Sarfi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-<sup>c</sup>Arabiyyah.

Salahudin Abdullah & Omar Khalid. 2009. *Tafsir Mubin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

*Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*. 2006. Kuala Lumpur: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.

Wafi, <sup>c</sup>Ali <sup>c</sup>Abd al-Wahid. T.th. *Fiqh al-Lughah*. Kaherah: Dar Nahdat Misr.

Zubaidah Ibrahim-Bell, Abdul Rahim Mat Yassim & Supramani a/l Shoniah. 2006. *Kajian Bahasa dan Terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-Munir fi al-<sup>c</sup>Aqidah wa al-Syari<sup>c</sup>ah wa al-Manhaj*. Damascus: Dar al-Fikr.